

GARIS PANDUAN DASAR PENGASINGAN SAMPAH DI PUNCA

KATEGORI PROJEK PERUMAHAN RAKYAT

1. PERANAN PEMUNYA/PENGHUNI

- a) Pemunya/penghuni dikehendaki untuk mengasingkan sampah yang boleh dikitar semula dengan sampah yang tidak boleh dikitar semula seperti yang telah ditetapkan oleh Pelaksana.
- b) Meletakkan sampah kitar semula di tepi unit untuk dikutip pekerja atau membawa sampah kitar semula ke pusat pengumpulan.
- c) Bekerjasama dengan Pelaksana untuk menjayakan pengasingan sampah.

2. PERANAN PELAKSANA

2.1 Fungsi Badan Pengurusan Harta Bersama adalah bertanggungjawab untuk :

- a) Memberitahu pemunya atau penghuni tentang keperluan pematuhan Undang-Undang Kecil Pengasingan sampah dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula (Majlis Bandaraya Pulau Pinang/Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2016, garis panduan atau apa-apa arahan yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa;
- b) Memastikan pemunya atau penghuni membuang
 - i. sampah yang boleh dikitar semula di dalam kemudahan pengurusan sampah yang boleh dikitar semula; dan

- ii. sampah baki ke dalam bekas sampah komunal yang disediakan; atau
- c) Memastikan pemunya atau penghuni menguruskan sampah yang boleh dikitar semula dan sampah baki mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

2.2 Kewajipan Badan Pengurusan Harta Bersama

Badan Pengurusan Harta Bersama bagi tanah yang dipecah bahagi kepada petak-petak tanah hendaklah :

- i. menyediakan bekas sampah komunal yang mencukupi bagi sampah baki seperti mana yang ditetapkan oleh Majlis.
- ii. menyediakan kemudahan pengurusan sampah yang boleh dikitar semula seperti mana yang ditetapkan oleh Majlis; dan
- iii. menyelenggara kemudahan pengurusan sampah yang boleh dikitar semula pada setiap masa supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat.

2.3 Tugas dan Tanggungjawab Pelaksana

- a) Melaksanakan pengasingan sampah di punca seperti yang terkandung di bawah Undang-Undang Kecil Pengasingan sampah dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan sampah Yang Boleh Dikitar Semula (Majlis Bandaraya Pulau Pinang/Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2016.
- b) Memastikan '*house rules*' digubal seperti di dalam Jadual 3 Akta Pengurusan Strata 2013 untuk mengasingkan sampah di

punca.

- c) Melantik mana-mana perkhidmatan pemungut kitar semula yang dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil Pengasingan sampah dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan sampah Yang Boleh Dikitar Semula (Majlis Bandaraya Pulau Pinang/Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2016 bagi memungut sampah kitar semula.
- d) Memastikan kebersihan pusat pengumpulan sampah.
- e) Menyediakan pusat/tempat/logistik untuk pengumpulan sampah yang boleh dikitar semula.
- f) Menyediakan sistem/kaedah pengasingan sampah kitar semula.
- g) Memaklumkan/Menyampaikan maklumat kepada penghuni.
- h) Mendokumentasikan data seperti maklumat pemungut kitar semula yang dilantik, data jumlah sampah yang dikumpul dan akaun kutipan yang diterima.

3. KADEAH PELAKSANAAN

3.1 Kaedah Pengasingan

- a) '*Drop-Off Bin System*'

Menempatkan sekurang-kurangnya satu pusat pengumpulan di kawasan bangunan.

- b) '*Drop-off Multiple Intermediate Recycling Bin System*'

Bagi memudahkan penghuni, Pelaksana boleh memilih beberapa tempat strategik untuk menempatkan tong pengumpulan (contoh: lif, kawasan tempat letak kenderaan, kawasan peti surat)

c) '*Door to Door Collection*'

Pelaksana boleh mengupah pekerja pembersihan untuk mengutip sampah yang boleh dikitar semula yang telah diasingkan oleh penghuni dan mengumpul di pusat pengumpulan yang disediakan oleh Pelaksana.

d) '*Chute System*'

Pelaksana memastikan penghuni hanya membuang sampah yang tidak boleh dikitar semula di '*Chute System*' dan yang boleh dikitar semula di pusat pengumpulan.

3.2 Pelantikan Pemungut Sampah Kitar Semula

- a) Pelaksana perlu melantik pemungut kitar semula yang berlesen untuk memungut sampah yang boleh dikitar semula.
- b) Pemungut kitar semula yang dilantik akan mengutip sampah, menimbang dan membayar kepada Pelaksana mengikut peratusan atau apa-apa bentuk ganjaran yang ditentukan bersama.
- c) Pelaksana digalakkan untuk memasukkan terma dan syarat mengenai pengumpulan sampah di dalam kontrak yang ditandatangani bersama pemungut kitar semula.

3.3 Terma dan Syarat yang Boleh Dipertimbangkan

- a) Jadual pengutipan (sekurang- kurangnya seminggu sekali).
- b) Pelabelan dan penempatan tong.
- c) Pembersihan tong-tong dan pusat pengumpulan.
- d) Data bulanan jumlah kutipan sampah kitar semula.